

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash

E-DOMPET

Malaysia Menuju ke Ekonomi Digital

Chen Jen Eem, Shaliza Azreen Mohd Zulkifli, Zunairah Hasan
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis,
Kampus Arau.

Pembayaran digital merupakan salah satu inovasi dalam dunia kewangan di mana transaksi dilakukan di atas talian tanpa bersentuhan dengan wang secara fizikal. Seiring dengan evolusi teknologi, pembayaran digital atau tanpa tunai semakin mendapat sambutan di kalangan rakyat Malaysia, terutamanya untuk mengurangkan sentuhan fizikal dalam menangani penularan wabak COVID-19. Dalam konteks pembayaran tanpa tunai, dompet elektronik (e-Dompet) merupakan salah satu aplikasi pembayaran di telefon bimbit di mana ia memudahkan urusan pembayaran dan pengurusan kewangan. Mengikut kajian Oppotus, 60 peratus dari pengguna Malaysia telah menggunakan e-Dompet pada suku ke-3 tahun 2020 berbanding dengan 27 peratus pada tahun sebelumnya. Laporan juga mendapati generasi Z (berumur 18-24 tahun) merupakan golongan pengguna e-Dompet yang paling tinggi, iaitu sebanyak 71 peratus. Di samping itu, industri Food and Beverage (F&B), Convenience Store, Groceries dan perkhidmatan penghantaran makanan mencatatkan pertumbuhan penggunaan e-Dompet yang merangsangkan atas dorongan promosi dan kempen PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara). Dalam

usaha kerajaan menggalakkan penggunaan e-Dompet di Malaysia, rebat RM30 diberikan kepada rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas dan pendapatan tahunan di bawah RM100,000 yang mempunyai aplikasi e-Dompet secara one-off.

Pengenalan kepada e-Dompet di Malaysia bermula sejak tahun 2017. Pada ketika itu, syarikat yang terlibat dalam urusan e-Dompet ini banyak bergantung kepada subsidi yang diberikan oleh kerajaan kerana kadar penggunaan yang masih rendah di kalangan penduduk Malaysia. Setakat tahun 2021, menurut Fintech Malaysia, negara kita telah mencatatkan lebih daripada 38 jenis e-Dompet yang aktif beroperasi dengan jumlah populasi seramai 32.6 juta berbanding negara China yang mempunyai 1.4 bilion populasi dengan hanya dua jenis e-Dompet. Namun demikian, hanya beberapa e-Dompet yang mampu mendominasi pasaran ini dan masih aktif beroperasi. Selain itu, menurut Conventus Law (2021) melalui ResearchAndMarket.com, Malaysia menduduki tempat pertama dalam penggunaan e-Dompet di kalangan negara Asia Tenggara diikuti Filipina, Thailand dan Singapura.

Terdapat beberapa jenis e-Dompet yang

sering digunakan di Malaysia iaitu GrabPay, Touch 'n Go e-Wallet, Boost, BigPay, Maybank QRPAY, Fave Pay dan ShopeePay. Setiap e-Dompot mempunyai persamaan iaitu pembayaran tanpa tunai dan sentuhan. Oleh itu, untuk menarik minat pengguna memilih aplikasi mereka, pelbagai kemudahan tambahan ditawarkan dan ini menjadikan setiap e-Dompot mempunyai keunikan sendiri. Bermula dengan perkhidmatan pengangkutan, syarikat Grab mempelbagaikan perkhidmatannya dengan pengenalan e-Dompot yang dikenali sebagai GrabPay. GrabPay bukan sahaja digunakan untuk membayar tambang perjalanan, ia juga boleh digunakan untuk pembelian makanan, barang keperluan harian, membeli belah, pembayaran bil dan pemindahan kredit. Setiap pembayaran yang dibuat akan diberikan mata ganjaran yang boleh dikumpul dan ditebus pada masa hadapan. Faktor ini memberikan nilai tambah kepada pengguna e-Dompot secara amnya. Manakala Touch 'n Go e-Wallet adalah dikembangkan daripada perkhidmatan Touch 'n Go iaitu perkhidmatan pembayaran tol di lebuh raya tanpa perlu membuat pembayaran tunai. Penggunaan Touch 'n Go e-Wallet bukan sahaja dapat menikmati perkhidmatan Touch 'n Go, bahkan aplikasi ini juga boleh digunakan untuk membuat pembayaran parkir kenderaan, menghubungkan penggunaan Radio Frequency Identification (RFID), pembelian melalui kedai serbaneka dan peniaga kecil.

Di samping itu, Boost yang mula beroperasi pada tahun 2017 juga memudahkan transaksi pembayaran tanpa sentuhan bagi peniaga kecil seperti pasar malam, penjual nasi lemak dan food truck. Selain itu, Boost juga menawarkan perkhidmatan pembayaran bil, insurans, tambah nilai prabayar telefon bimbit, membeli belah, makan di restoran dan sebagainya. Keunikan aplikasi ini ialah, ia memberi peluang kepada penggunanya mendapatkan ganjaran melalui Shake Rewards sama ada dalam bentuk pulangan tunai, syiling Boost atau pelbagai hadiah yang menarik. Institusi kewangan juga tidak ketinggalan mengikuti arus perdana ini,

iaitu Maybank memperkenalkan Maybank QRPAY. Aplikasi ini membolehkan pengguna membuat pembayaran atau pemindahan wang tunai melalui akaun Maybank yang sedia ada. Walaupun Maybank QRPAY tidak mempunyai ciri-ciri seperti e-Dompot yang lain, namun ia juga menawarkan ganjaran yang hebat dalam bentuk cabutan bertuah seperti gajet dan kereta. Oleh kerana itu, Maybank QRPAY juga mendapat sambutan yang baik di Malaysia.

Secara amnya, e-Dompot boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu e-Dompot terbuka (open-loop), e-Dompot tertutup (close-loop) dan e-Dompot separuh tertutup (semi-loop). GrabPay, Boost, Touch 'n Go, ShopeePay dan BigPay adalah antaranya contoh e-Dompot terbuka. e-Dompot terbuka ini sangat mudah kerana boleh digunakan untuk pelbagai jenis pembelian di pelbagai lokasi perniagaan. e-Dompot terbuka membolehkan pengguna menggunakan dana dalam e-Dompot untuk membuat pembayaran transaksi atau pengeluaran dana yang didepositkan ke akaun secara tunai. Manakala e-Dompot tertutup direka untuk membuat pembayaran penuh atau sebahagian untuk perkhidmatan yang disediakan oleh pengusaha e-Dompot. e-Dompot tertutup tidak boleh digunakan untuk membuat pembayaran kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga atau untuk pemindahan wang. Contohnya, AEON Wallet, The Coffee Bean Card dan Starbucks Card. Sementara itu, e-Dompot separuh tertutup membolehkan penggunanya membeli-belah dan memindahkan dana kepada pengguna lain dalam rangkaian dompet yang sama. e-Dompot ini menjadikan pembelian atas talian lebih mudah dan juga menyediakan tahap keselamatan yang tinggi dalam pembayaran. e-Dompot ini menawarkan transaksi pantas serta bayaran balik tanpa gangguan.

Penggunaan perkhidmatan e-Dompot sedikit sebanyak memberi keselamatan kepada peniaga mahupun pembeli kerana tidak perlu lagi berurusan dengan memegang wang tunai yang banyak. Bagaimanapun,

ia masih memerlukan penelitian untuk mengetahui pengaruh persepsi kemudahan penggunaan, persepsi kemanfaatan, persepsi risiko, dan kepercayaan untuk menggunakannya. Walaupun e-Dompet telah diterima pakai secara meluas kerana pelbagai kelebihannya seperti mengurangkan jumlah wang tunai yang dipegang, tidak perlu beratur panjang untuk pengeluaran wang di mesin ATM, transaksi menjadi lebih pantas, boleh menyimpan rekod perbelanjaan, tidak perlu menyimpan resit dan juga banyak peluang untuk mendapat pulangan wang dan diskaun. Namun perlu diingatkan dalam kerancangan ini ada pelbagai implikasinya. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 4,327 kes jenayah siber dilaporkan pada suku pertama tahun 2021 dan ia membabitkan kerugian sebanyak RM77 juta dan angka itu diramal akan meningkat. Jenayah siber meliputi penipuan atas talian, penipuan kad kredit, kecurian identiti dan pencerobohan data. Dengan petunjuk data itu, ia menyaksikan kerugian kepada individu dan syarikat terlibat. Keadaan ini pasti memberi suatu bentuk ancaman dan risiko yang perlu diambil langkah serius untuk diteliti dan dibendung. Walaupun pada asasnya telah ada inisiatif bagi mengatasi masalah ini seperti Akta Data Perlindungan Peribadi 2010 bagi melindungi pengguna, namun masih timbul persoalan benarkah pengguna telah memahami implikasi daripada perkongsian data peribadi mereka dan apakah jaminan tidak berlaku penyelewengan terhadap penyimpanan dan pemprosesan data atas prinsip keselamatan tersebut. Dalam meneruskan landskap pendigitalan, masyarakat atau pengguna itu sendiri perlu dididik untuk mengguna kemudahan kewangan dalam keadaan yang selamat. Secara umumnya, perubahan teknologi telah mengubah kronologi sejarah kewangan dari masa ke semasa dan bermula kebergantungan itu tidak hanya mencipta peluang baru bahkan juga membuka pintu ancaman. Sasaran dan cabaran penggunaan e-Dompet lebih meluas kerana ia menjadi inisiatif Bank Negara untuk menjadikan Malaysia sebagai negara tanpa tunai.

Rujukan:

CompareHero.my (2021). <https://www.comparehero.my/e-wallet/articles/best-e-wallet-malaysia>

Conventus Law (2021). <https://www.conventuslaw.com/report/malaysia-topping-as-cashless-society-and-e-wallets/>

Corporate finance institute.(no date) What is a Digital Wallet?. Retrieved from: <https://corporatefinanceinstitute.com/resources/knowledge/other/digital-wallet/>

Cyber Security Malaysia (2021). Landskap keselamatan siber malaysia 2020. <https://www.cybersecurity.my>

Fintech Malaysia (2019). <https://fintechnews.my/27070/malaysia/fintech-malaysia-report-2021/>

Grab. <https://www.grab.com/my/pay>

Harakahdaily (2020). E-Tunai: Cabaran sekuriti privasi pengguna. Retrieved from: <https://harakahdaily.net/index.php/2020/01/21/e-tunai-cabaran-sekuriti-privasi-pengguna/>

Lightning Innovation. (2021). Launching E-Wallet User Research Challenge <https://youtu.be/QgJQBeT4Vog>

Oppotus (2020). <https://www.oppotus.com/e-wallet-usage-in-malaysia-2020/>

Trotman, J. (2020). Types of e-Wallets and Their Issues & Challenges in 2022. www.nimbleappgenie.com

Trotman, J. (2021). What Are The E-Wallet Trends In Malaysia? www.nimbleappgenie.com

Touch n Go. <https://rfid.touchngo.com.my/>



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com